

GARIS PANDUAN PENYENGGARAAN BERJADUAL BANGUNAN KERAJAAN

1.0 PENDAHULUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk rujukan ketua-ketua jabatan dalam merancang, mengurus dan mengawalselia penyenggaraan bangunan-bangunan Kerajaan yang diletakkan di bawah pentadbiran mereka.

Garis panduan ini mengandungi enam skop utama seperti berikut :-

- (i) Penyenggaraan Sivil & Struktur.
- (ii) Penyenggaraan Penjagaan Kebersihan (*housekeeping*).
- (iii) Penyenggaraan Landskap.
- (iv) Penyenggaraan Mekanikal.
- (v) Penyenggaraan Elektrikal.
- (vi) Penyenggaraan Kecekapan Tenaga (Energy Efficiency)

2.0 PEMATUHAN PERUNDANGAN DAN PIAWAIAN

Semua kerja dan perkhidmatan yang dilaksanakan termasuk kakitangan yang melaksanakan kerja, bahan-bahan dan peralatan yang digunakan perlu mematuhi akta, peraturan, kaedah dan piawaian terkini dari agensi-agensi berikut : -

- (i) Suruhanjaya Tenaga.
- (ii) Tenaga Nasional Berhad.
- (iii) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.
- (iv) Syarikat Telekom Malaysia Berhad/Pemegang Lesen Komunikasi.
- (v) Jabatan Bomba dan Penyelamat (BOMBA).
- (vi) Jabatan Alam Sekitar (DOE).
- (vii) Jabatan Kerja Raya (JKR).

- (viii) Jabatan Penerbangan Awam (DCA).
- (ix) Pihak Berkuasa Tempatan.
- (x) Jabatan/ Syarikat Bekalan Air Negeri.
- (xi) Jabatan Pertanian Malaysia.
- (xii) Jabatan Perkhidmatan Pembentungan.
- (xiii) Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).
- (xiv) Jabatan Kerajaan berkaitan, Pihak Berkuasa Utiliti/ Pemegang Lesen.
- (xv) Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH).

3.0 PENGGUNAAN GARIS PANDUAN

Garis panduan ini dikeluarkan secara umum yang merangkumi semua skop kerja dan jadual penyenggaraan bagi bangunan Kerajaan. Garis Panduan ini digunakan seperti berikut :-

- (i) Untuk rujukan dalam penyediaan skop kerja dan jadual penyenggaraan oleh jabatan masing-masing.
- (ii) Untuk rujukan kepada Pegawai Aset merancang dan menyediakan bajet penyenggaraan.
- (iii) Untuk rujukan kepada Penyelia Penyenggaraan dalam pemantauan kerja penyenggaraan.
- (iv) Untuk rujukan dalam penyediaan senarai semak pengauditan kerja penyenggaraan.